



**PERTANDINGAN BUSANA TRADISIONAL 2026
KARNIVAL MUZIK DAN SUKAN (KAMUS2026)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SARAWAK (UPMS)**

SYARAT DAN PERATURAN PERTANDINGAN

1. KELAYAKAN PENYERTAAN

- i. Pertandingan ini terbuka kepada peserta berumur **16 tahun dan ke atas**.
- ii. Penyertaan terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
- iii. Peserta boleh menyertai secara individu sahaja.
- iv. Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu penyertaan.
- v. Peserta berumur 18 tahun ke bawah perlu mendapatkan kebenaran ibu bapa/penjaga.

2. TEMA PERTANDINGAN

"Warisan Tradisi, Pesona Budaya"

Peserta dikehendaki memperagakan pakaian tradisional atau busana etnik yang menampilkan elemen elegan, sopan, kreatif serta mencerminkan identiti budaya dan warisan tradisi.

3. TARIKH, MASA & LOKASI PERTANDINGAN

Pertandingan akan berlangsung pada 3 Oktober 2026 (Sabtu) pada sebelah malam di Dewan Sri Kenyalang, UPMS.

4. TARIKH TUTUP PERTANDINGAN

Tarikh tutup penyertaan adalah pada 21 September 2026 pukul 5.00 petang.

5. HAD PENYERTAAN

Penyertaan pertandingan adalah **TERHAD kepada 10 orang peserta sahaja**.

6. FORMAT PERTANDINGAN

Pertandingan akan dijalankan berdasarkan kaedah berikut:

i. Catwalk Presentation

- Tempoh maksimum: **3 minit**
- Peserta perlu memperagakan busana, menunjukkan keyakinan diri, pose, ekspresi dan pembawaan pentas.
- Peserta dibenarkan menggunakan muzik latar pilihan sendiri.
- Muzik hendaklah dihantar kepada pihak penganjur sebelum tarikh yang ditetapkan.

ii. Sesi Soalan Juri (Q&A)

- Setiap peserta akan diberikan satu soalan spontan oleh juri.



**PERTANDINGAN BUSANA TRADISIONAL 2026
KARNIVAL MUZIK DAN SUKAN (KAMUS2026)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SARAWAK (UPMS)**

- Jawapan boleh diberikan sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- Penilaian dijalankan berdasarkan keyakinan, komunikasi, spontan, isi jawapan dan personaliti.

7. KRITERIA PEMARKAHAN

KRITERIA	MARKAH
Keaslian & Kreativiti Busana Tradisional	30%
Catwalk & Pembawaan Diri	30%
Keyakinan, Karisma Pentas & Personaliti	20%
Sesi Soalan Juri	20%
JUMLAH	100%

8. PERATURAN PAKAIAN

- Busana mestilah sopan, tidak keterlaluan dan sesuai dengan norma budaya masyarakat Malaysia.
- Pakaian yang mempunyai unsur sensitif, lucah, menghina budaya/agama, atau politik adalah tidak dibenarkan.
- Props* ringan dibenarkan selagi tidak mengganggu perjalanan pertandingan.
- Peserta digalakkan memberi penerangan ringkas mengenai inspirasi busana jika diminta juri.

9. PERATURAN PENTAS

- Peserta perlu berada di lokasi sekurang-kurangnya 30 minit sebelum pertandingan bermula.
- Kegagalan hadir ketika nama dipanggil boleh menyebabkan penyertaan dibatalkan.
- Keputusan juri adalah muktamad.

10. HADIAH PERTANDINGAN

Hadiah bagi pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

- Johan – Wang Tunai RM800, Trofi dan Sijil Penyertaan
- Naib Johan – Wang Tunai RM500, Trofi dan Sijil Penyertaan
- Tempat Ketiga – Wang Tunai RM300, Trofi dan Sijil Penyertaan

11. HAK PENGANJUR

Pihak penganjur berhak:

- menggunakan gambar/video peserta untuk tujuan promosi,
- membuat perubahan terhadap syarat pertandingan,



**PERTANDINGAN BUSANA TRADISIONAL 2026
KARNIVAL MUZIK DAN SUKAN (KAMUS2026)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SARAWAK (UPMS)**

- iii. membatalkan penyertaan peserta yang didapati melanggar syarat dan peraturan pertandingan.

12. KOS PENYERTAAN

Segala kos berkaitan logistik, pengangkutan, penginapan/tempat tinggal, sewaan pakaian, aksesori dan dandanan (make-up) adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri.

13. KESELAMATAN PESERTA

Peserta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan diri dan barangan peribadi sepanjang pertandingan berlangsung. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kehilangan, kerosakan atau kecederaan.

14. YURAN PENYERTAAN

Yuran penyertaan adalah sebanyak **RM80.00** sahaja.

Pembayaran boleh dibuat melalui pindahan/perbankan atas talian seperti berikut:

KAEDAH	MAKLUMAT
Perbankan atas talian	No. Akaun: 8005232086 Nama Bank: CIMB Bank Nama Akaun: Universiti Putra Malaysia Rujukan: busana tradisional

*Peserta diminta menyimpan bukti pembayaran sebagai rujukan pihak penganjur.

15. TERMA TAMBAHAN

- Pihak penganjur berhak untuk mengubah, meminda atau menambah mana-mana syarat dan terma pertandingan sekiranya perlu.
- Keputusan pihak penganjur dan panel juri adalah muktamad. Sebarang bantahan atau rayuan tidak akan dilayan.

16. PENDAFTARAN & PENYERTAAN

- Link Pendaftaran: chrome-extension://efaidnbmnnnibpcajpcglclefindmkaj/https://spel3.upm.edu.my/max/dokumen/KAMUS2026_KAMUS2026_BORANG_PENGESAHAN_PENDAFTRAN_AWAL_PASUKAN_10082026.pdf



**PERTANDINGAN BUSANA TRADISIONAL 2026
KARNIVAL MUZIK DAN SUKAN (KAMUS2026)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA SARAWAK (UPMS)**

- ii. Peserta dikehendaki untuk menyertai kumpulan WhatsApp Busana Tradisional di pautan berikut untuk mengetahui info terkini daripada penyelaras program: <https://chat.whatsapp.com/G7oxM33YZVT1o1kCDQ45oO?s=sh&p=i&ilr=4>

17. PERCANGGAHAN

Jika terdapat apa-apa percanggahan di antara peraturan pertandingan dengan Peraturan Am, Peraturan Am ini hendaklah dipakai. Walau bagaimanapun, jika terdapat perkara-perkara yang tidak dinyatakan di dalam Peraturan Am ini, ianya hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Karnival Muzik & Sukan (KAMUS2026) (Edisi Ke-3). Jawatankuasa Pengelola berhak meminda atau menambah peraturan yang difikirkan perlu. Keputusan Jawatankuasa Pengelola Karnival Muzik & Sukan 2026 (KAMUS2026) (Edisi Ke-3) adalah **MUKTAMAD**.